



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KESAN PENGGUNAAN MODEL STAD TERHADAP PENCAPAIAN KARANGAN KEPERIHALAN MURID CINA

ZALIYATUNNUR BINTI AWANG KECHIK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



V

ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan penggunaan Model *Student Team Achievement Divison* (STAD) terhadap pencapaian penulisan karangan keperihalan bagi murid Cina. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan melibatkan 60 orang murid Cina tahun lima daripada dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negeri Perak. Sampel dipilih berdasarkan kelompok murid sedia ada (*intact group*) yang telah ditentukan pihak sekolah. Subjek kajian terdiri daripada 30 orang murid kumpulan rawatan dan 30 orang murid kumpulan kawalan. Soalan karangan bagi ujian pra dan ujian pasca merupakan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pencapaian penulisan dibandingkan untuk mendapat perbezaan pencapaian skor melalui ujian pra dan ujian pasca. Data dianalisis menggunakan ujian t bagi membandingkan skala min ujian pra dan ujian pasca di antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras  $<0.05$  dengan skor min kumpulan rawatan 17.333 dengan sisihan piawainya 4.293 manakala pencapaian skor min bagi kumpulan kawalan 11.433 dan sisihan lazimnya 5.587 dengan nilai  $t (54) = 4.58$ . Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Model STAD berjaya meningkatkan pencapaian karangan keperihalan dalam kalangan murid Cina dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap pembinaan kurikulum yang lebih mantap terutamanya untuk pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## **EFFECT OF THE STAD MODEL USED TOWARDS THE MALAY LANGUAGE DESCRIPTIVE ESSAY ACHIEVEMENT OF CHINESE STUDENTS**

### **ABSTRACT**

This study aims to investigate the effect of the Student Team Achievement Division Model (STAD) used towards the descriptive essay achievement of Chinese students. The study was implementing a quantitative research by using quasi-experimental design. This quasi-experimental involved pre-test and post-test. The descriptive essay writing achievement was compared to obtain the difference of the score achievement through pre-test and post-test. The data were analysed using the t-test to measure the achievement by observing the mean difference in the pre-test and post-test between the control group and the treatment group. Two schools of Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) in Perak as a sample, consisting of 30 students of treatment group and 30 students of control group. The sample was chosen since it was selected based on intact group that had been fixed by the school to make this study naturally. The findings showed that there was a significant difference at the level of  $<0.05$  with the treatment group mean score of 17.333 with the standard deviation of 4.293 while the mean score for the control group was 11.433 and the variance was 5.587 with  $t(54) = 4.58$ . The result proved that the STAD model use was succeeded in increasing the descriptive essay achievement among students of Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. The implication of this study is expected to contribute to the development of a more excellent curriculum especially for Malay language education as a second language.



## KANDUNGAN

**Muka Surat**

<b>PERAKUAN</b>	II
<b>PENGHARGAAN</b>	IV
<b>ABSTRAK</b>	V
<b>ABSTRACT</b>	VI
<b>KANDUNGAN</b>	VII
<b>SENARAI JADUAL</b>	XIII
<b>SENARAI RAJAH</b>	XV
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	XVI
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	XVII
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Hipotesis Kajian	11



## 1.5 Objektif Kajian

12

## 1.6 Soalan Kajian

13

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

13

## 1.8 Kepentingan Kajian

15

### 1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

15

### 1.8.2 Sekolah

16

### 1.8.3 Guru

16

### 1.8.4 Murid

16

## 1.9 Batasan Kajian

18

## 1.10 Definisi Operasional

19



### 1.10.1 Kesan Pencapaian

19

### 1.10.2 Model Student Team Achievement Divisions (STAD)

20

### 1.10.3 Karangan Keperihalan

22

### 1.10.4 Bahasa Melayu SJKC

23

### 1.10.5 Murid Cina

24

## 1.11 Kesimpulan

24





## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

<b>2.1 Pendahuluan</b>	26
<b>2.2 Konsep Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)</b>	27
<b>2.3 Kaedah dan Teknik dalam PdPc Penulisan Karangan</b>	30
<b>2.3.1 Penggunaan Peta Pemikiran (I-Think)</b>	30
<b>2.3.2 Pembelajaran Jigsaw</b>	33
<b>2.3.3 Pembelajaran Konvensional</b>	34
<b>2.4 Pembelajaran Koperatif dalam PdPc</b>	39
<b>2.5 Teori Konstruktisme Leo S. Vygotsky dalam Proses Penulisan</b>	48
<b>2.6 Jenis-Jenis Pendekatan Pembelajaran Koperatif</b>	52
<b>2.6.1 Pembelajaran Koperatif <i>Student Team Achievement Divisions</i></b>	53
<b>2.6.2 Pembelajaran Koperatif <i>Team Games Tournament</i></b>	53
<b>2.6.3 Pembelajaran Koperatif Jigsaw</b>	54
<b>2.6.4 Pembelajaran Bersama</b>	56
<b>2.7 Pendekatan Koperatif Model STAD dalam PdPc</b>	59
<b>2.7.1 Kaedah Pelaksanaan Pendekatan Koperatif Model STAD</b>	59
<b>2.7.2 Kajian Lalu Pembelajaran Koperatif Model STAD</b>	62
<b>2.8 Kesimpulan</b>	68





## BAB 3 METODOLOGI

<b>3.1 Pendahuluan</b>	<b>70</b>
<b>3.2 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>71</b>
<b>3.3 Prosedur Kumpulan Rawatan Penggunaan Model STAD</b>	<b>73</b>
<b>3.3.1 Membentuk Kumpulan Rawatan</b>	<b>73</b>
<b>3.3.2 Guru Mengajar</b>	<b>73</b>
<b>3.3.3 Perbincangan Secara Berkumpulan</b>	<b>74</b>
<b>3.3.4 Penulisan Secara Individu</b>	<b>75</b>
<b>3.3.5 Penjumlahan Markah</b>	<b>75</b>
<b>3.3.6 Ganjaran</b>	<b>76</b>
<b>3.4 Kumpulan Kawalan</b>	<b>77</b>
<b>3.5 Pemarkahan Karangan</b>	<b>78</b>
<b>3.6 Sampel Kajian</b>	<b>79</b>
<b>3.7 Instrumen Kajian</b>	<b>81</b>
<b>3.8 Prosedur Pengumpulan Data</b>	<b>82</b>
<b>3.9 Kaedah Analisis Data</b>	<b>84</b>
<b>3.10 Kesimpulan</b>	<b>87</b>





## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	88
4.2 Demografi Responden	89
4.3 Peringkat-Peringkat Pencapaian Murid	90
4.4 Analisis Dapatan	92
4.4.1 Dapatan 1: Skor pencapaian murid bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra dan pasca.	93
4.4.2 Dapatan 2: Perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian murid bagi kumpulan rawatan dan kawalan dalam penulisan karangan keperihalan.	99
4.4.3 Dapatan 3: Perbezaan antara kumpulan rawatan yang menggunakan Model STAD dengan kumpulan kawalan.	110
4.5 Hipotesis Nol	112
4.6 Rumusan	115

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	116
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	117





## 5.2.1 Skor Pencapaian Murid Bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan

Rawatan dalam Ujian Pra dan Pasca.

117

## 5.2.2 Perbezaan Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Terhadap Tahap

Pencapaian Murid Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan

Kawalan dalam Penulisan Karangan Keperihalan.

121

## 5.2.3 Perbezaan Markah Antara Kumpulan Rawatan Yang Menggunakan

Model STAD dengan Kumpulan Kawalan Yang Menggunakan

Pengajaran Konvensional.

125

## 5.3 Rumusan

128



## 5.4.1 Implikasi Kajian Terhadap Murid

130

## 5.4.2 Implikasi Terhadap Guru

131

## 5.4.3 Implikasi Terhadap Pihak Pentadbir

132

## 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

134

## 5.6 Penutup

135

## RUJUKAN

139

## LAMPIRAN



## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Prosedur Pengumpulan Data Ujian Pra	83
3.2 Prosedur Pengumpulan Data Ujian Pasca	83
3.3 Pemarkahan Penulisan Bahagian C	85
3.4 Prosedur Analisis Data	86
4.1 Pecahan Responden Mengikut Kaum	89
<b>4.2 Pecahan Responden Mengikut Jantina</b>	<b>90</b>
4.3 Rubrik Pemarkahan Bahagian C	91
4.4 Peringkat Pencapaian Murid dalam Ujian Pra (Kumpulan Rawatan)	93
4.5 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min Ujian Pra Kumpulan Rawatan	94
4.6 Peringkat Pencapaian Murid dalam Ujian Pra (Kumpulan Kawalan)	95
4.7 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min Ujian Pra Kumpulan Kawalan	95
4.8 Peringkat Pencapaian Murid dalam Ujian Pasca (Kumpulan Rawatan)	96
4.9 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	97
4.10 Peringkat Pencapaian Murid dalam Ujian Pasca (Kumpulan Kawalan)	98
4.11 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	99



4.12	Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Mengikut Peringkat Pencapaian Kumpulan Rawatan	100
4.13	Keputusan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Mengikut Peringkat Pencapaian Kumpulan Rawatan	102
4.14	Pencapaian Min Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	103
4.15	Perbandingan Markah Ujian Pra dengan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	104
4.16	Keputusan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Mengikut Peringkat Pencapaian Kumpulan Kawalan	107
4.17	Pencapaian Min Ujian Pra dan Ujian pasca Kumpulan Kawalan	108
4.18	Pencapaian Min Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	110
4.19	<del>Pencapaian Min dan Ujian t Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan</del>	112
4.20	Pencapaian Min dan Ujian t Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Kawalan	113
4.21	Pencapaian Min dan Nilai t Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	114



## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	14
3.1 Reka Bentuk Kajian	72
4.1 Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Mengikut Peringkat Pencapaian Kumpulan Rawatan	104
4.2 Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Mengikut Peringkat Pencapaian Kumpulan Kawalan	109
4.3 Perbandingan Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	111

## SENARAI SINGKATAN

<b>PdPc</b>	:	Pengajaran dan Pemudahcaraan
<b>UPSR</b>	:	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
<b>PPD</b>	:	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>KPM</b>	:	Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>R1-R30</b>	:	Responden 1 – Responden 30
<b>PPPM</b>	:	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<b>STAD</b>	:	<i>Students Team Achievement Division</i>



## **SENARAI LAMPIRAN**

**A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (EPRD & JPN Perak)**

**B Soalan Ujian Pra**

**C Soalan Ujian Pasca**

**D Peta Pemikiran (Penggunaan Model STAD)**

**E Soalan Karangan Keperihalan (Rawatan STAD)**



**F Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Rawatan (Eksperimen)**

**G Rancangan Pengajaran Harian Kumpulan Kawalan**

**H Jadual Pemarkahan UPSR**

**I Analisis Soalan UPSR**

**J Peta Pemikiran Rawatan dan Karangan Murid**



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Dalam melahirkan modal insan yang berketerampilan, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam mendepani sebuah negara maju, aspek pendidikan memainkan peranan penting bagi merealisasikannya. Cabaran bagi melahirkan masyarakat saintifik dan progresif merupakan cabaran keenam Wawasan 2020. Justeru, dalam mendepani cabaran ini, masyarakat harus lebih berpandangan ke hadapan dan



berani untuk melakukan perubahan yang bukan sahaja sebagai pengguna teknologi tetapi juga sebagai penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan. Dalam konteks ini, bahasa juga merupakan elemen penting dalam membentuk sesebuah ketamadunan itu sendiri.

Selari dengan itu, Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 menekankan berkaitan proses pemerolehan dan pengembangan ilmu yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai teras utama. Perancangan ini telah diperkuuh lagi oleh Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Rahman Talib 1960 dan telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 serta Akta Pendidikan 1996 (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008). Sebagai langkah pelaksanaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan satu peraturan, iaitu Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang telah mewajibkan pengajaran bahasa Melayu dalam semua peringkat dan jenis sekolah sama ada peringkat rendah mahupun menengah, bahkan bagi sekolah jenis kebangsaan (SJK) juga. Bahasa Melayu juga berfungsi sebagai bahasa perpaduan rakyat di Malaysia selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan tidak menafikan hak dan kedudukan bahasa lain untuk digunakan atau dipelajari.

Menerusi Kurikulum Bahasa Melayu, murid dapat menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan peraturan tatabahasa yang betul. Dalam menghadapi cabaran abad ke-21, Kurikulum Bahasa Melayu juga telah mengalami





## 1.2 Latar Belakang

Setiap murid mempunyai kemampuan yang berbeza antara satu sama lain dalam menguasai sesuatu mata pelajaran yang mereka pelajari. Justeru, pendekatan yang digunakan oleh guru juga berbeza-beza mengikut konteks tahap pengetahuan dan kebolehan murid. Berbahasa merupakan elemen penting dalam pendidikan terutamanya bahasa Melayu, memandangkan bahasa Melayu ialah bahasa rasmi di Malaysia. Justeru, bahasa Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran wajib yang wajar dipelajari oleh semua murid yang bersekolah di Malaysia. Pembelajaran pendidikan bahasa merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni tatabahasa dan tatabahasa (Kementerian Pelajaran Malaysia,2011).



Kemahiran berbahasa yang akan menentukan atau menghasilkan satu produk atau aset yang sangat berharga kepada negara. Kemahiran menulis adalah kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap murid kerana kemahiran ini berfungsi sebagai wahana untuk mereka menyatakan perasaan tentang sesuatu perkara. Kemahiran menulis karangan adalah peringkat tertinggi dalam kemahiran berbahasa (Noor Hidayu dan Yahya,2016). Aktiviti mengarang merupakan gerak kerja yang tercakup dalam kemahiran menulis.



transformasi dengan diperkenalkan kepada Dokumen Standard Kurikulum Prestasi (DSKP) seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang bermula pada tahun 2011. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dahulu hanya menekankan empat aspek kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Berbanding KBSR, KSSR telah menekankan lima aspek asas kemahiran bahasa merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa. Pecahan kemahiran bahasa lebih menyeluruh di dalam KSSR.

Justeru, melihat kepentingan ini, purata jam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ditambah menjadi seminggu 8 waktu dengan pertambahan masa sebanyak 4 jam bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Pertambahan masa dalam pengajaran dan pembelajaran telah diperkenalkan seiring dengan pengenalan KSSR.

Namun demikian, bukan mudah untuk memastikan seseorang itu benar-benar menguasai penggunaan bahasa Melayu terutama bagi bukan penutur jati seperti murid di SJK yang ada di Malaysia. Di sinilah wujudnya cabaran buat guru-guru Bahasa Melayu SJK. Menurut Sharala, Zamri, Jamaluddin et.al (2014), strategi yang berkesan adalah satu elemen penting dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing. Justeru, guru perlu menjadi lebih kreatif dan berinovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), menyatakan tujuan utama aktiviti

karang mengarang di sekolah adalah untuk membolehkan murid-murid menurunkan perkara yang hendak disampaikan kepada orang lain melalui penulisan. Menulis karangan adalah teknik pengajaran dan pembelajaran yang paling kerap digunakan untuk menguji kemahiran menulis murid.

Menurut Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng (2017), kemahiran menulis adalah komponen terpenting yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Aktiviti dalam penulisan telah dirancang dan dilaksanakan dalam bilik darjah bagi membolehkan murid menzahirkan fikiran dan perasaan agar murid-murid dapat membina beberapa kemahiran seperti mengumpul, memilih dan menyusun idea-idea, hujah-hujah, dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan (Kamaruddin Hj. Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2008). Dalam konteks ini, murid boleh menzahirkan maksud, pendapat, pengalaman dan perasaan mereka dengan berkesan melalui tulisan. Sekiranya menguasai kemahiran menulis, murid dapat menggunakan kemahiran ini untuk pelbagai tujuan.

Tidak mudah untuk seorang guru Bahasa Melayu mendidik di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Guru perlu menjadi lebih kreatif dan kritis dalam melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu memandangkan mereka bukanlah penutur jati bahasa Melayu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



Rentetan itu, berdasarkan kajian Johnson dan Johnson (1989) dan Slavin (1989)

mendapati bahawa pembelajaran secara bekerjasama dapat meningkatkan pencapaian murid. Kejayaan pendekatan pengajaran tersebut sebenarnya banyak bergantung pada interaksi lisan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), terutamanya interaksi lisan sesama murid. Justeru, pengetahuan, kemahiran dan perancangan yang teliti serta jelas adalah perlu bagi menjamin kejayaan pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan kerjasama berkumpulan ini.

Selain itu, melalui pembelajaran koperatif juga murid akan berganding bahu dan bekerjasama sebagai sebuah kumpulan yang mantap tanpa mengira sebarang perbezaan sesama mereka (Suhana & Chai,2012). Pembelajaran secara berkumpulan juga merupakan kaedah yang semakin terkenal dalam sistem pendidikan negara kita (Lai et.all,2017).

Menurut Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz (2008), maksud pembelajaran secara bekerjasama ini ialah terdapat beberapa individu bekerja dalam suatu kumpulan kecil untuk membantu sesama mereka dengan tujuan untuk belajar. Manakala, mengikut Slavin (1994) kajian-kajian mendapati bahawa pembelajaran koperatif merupakan suatu strategi berkesan dalam meningkatkan pencapaian dengan dua syarat, iaitu ganjaran diberikan kepada ahli-ahli kumpulan bagi mewujudkan kegemaran dan keinginan secara mendalam bagi membantu sesama sendiri menyelesaikan masalah pembelajaran dan akauntabiliti dalam menyempurnakan tugas bersama ahli kumpulan yang lain.





### 1.3 Pernyataan Masalah

Penguasaan Bahasa Melayu murid bukan Melayu sangat lemah terutamanya bagi murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Hal ini kerana di SJK, bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa ibunda mereka iaitu Bahasa Cina. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kedua. Oleh itu, murid kurang menggunakan Bahasa Melayu di sekolah sama ada secara lisan atau tulisan. Bahasa Melayu hanyalah diaplikasikan di dalam kelas ketika mata pelajaran Bahasa Melayu dilaksanakan.

Implikasinya, pada tahun 2010, seramai 604 orang pelatih Program Latihan

**Khidmat Negara (PLKN)** bukan Melayu tidak boleh berbahasa Melayu. Menurut Teo Kok Seong (2014), jumlah tersebut dianggarkan akan meningkat pada tahun-tahun selepas itu.

Ramalan Teo pada tahun 2014 terbukti pada dua tahun berikutnya iaitu pada tahun 2016 iaitu peratusan lulus terutama dalam Penulisan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Manjung, Perak tidak memuaskan.





Analisis peperiksaan tersebut menunjukkan bahawa peratusan cemerlang dan

lulus bagi kertas penulisan adalah kurang memuaskan. Keputusan menunjukkan daripada 1036 orang calon UPSR di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Manjung, hanya 154 orang sahaja yang mendapat cemerlang dengan gred A dan hanya 731 orang sahaja yang lulus iaitu dengan gred A B dan C. Sebanyak 29.3% tidak lulus dalam penulisan Bahasa Melayu UPSR 2016.

Manakala pada tahun 2017, analisis mendapati sebanyak 22.4% tidak lulus dalam penulisan Bahasa Melayu. Analisis bagi pencapaian UPSR Bahasa Melayu murid SJKC di PPD Manjung, Perak pada tahun 2017 menunjukkan terdapat 144 orang murid yang mendapat cemerlang dan 742 murid lulus dalam penulisan. Jumlah keseluruhan calon pada tahun 2017 ialah sebanyak 959 orang.

Untuk melihat skop yang lebih kecil supaya ujian ini mencapai matlamat, analisis memfokuskan kepada sekolah kajian dengan menumpukan kepada Bahasa Melayu Penulisan. Analisa pada tahun 2016 di sekolah kajian mendapati hanya 46.95% sahaja yang lulus Bahasa Melayu Penulisan dan sebanyak 53.05% telah gagal. Di samping itu, analisis keputusan UPSR 2018 sekolah kajian menunjukkan hanya 6 orang yang memperoleh A dalam penulisan dan 63 orang sahaja yang lulus dengan bilangan calon yang menduduki peperiksaan UPSR ialah seramai 128 orang. Analisis ini amat membimbangkan dengan kadar kelulusan yang sangat rendah dalam penulisan. Justeru, sesuatu harus dilakukan bagi meningkatkan kemahiran menulis murid agar prestasi akademik dalam penulisan akan bertambah mantap.





Berdasarkan analisis soalan UPSR oleh Jurulatih Utama Bahasa Melayu dari

2005 hingga 2016 mendapati soalan karangan yang sering terdapat dalam peperiksaan UPSR ialah karangan keperihalan. Bahkan soalan peperiksaan 2017 juga mengandungi karangan keperihalan. Lebih menarik lagi, tajuk karangan keperihalan ini telah terdapat dalam peperiksaan penulisan Bahasa Melayu UPSR selama tiga tahun berturut-turut. Masalah utamanya murid tidak dapat menulis dengan baik. Sekiranya murid menguasai karangan keperihalan, maka murid dapat menjawab dengan baik dalam peperiksaan UPSR.

Analisis soalan peperiksaan UPSR yang dijalankan bermula tahun 2005 hingga

2018 menunjukkan kekerapan soalan karangan keperihalan yang mendominasi soalan UPSR. Hanya pada tahun 2006, 2012 dan 2014 sahaja yang tiada soalan karangan keperihalan. Hal ini membuktikan bahawa sekiranya murid dapat menguasai karangan keperihalan maka peratusan murid untuk mendapat lulus atau cemerlang sangat tinggi.

Kelemahan murid dalam penulisan turut dipengaruhi oleh kekurangan peluang berinteraksi lisan dalam kalangan murid sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Roselan Baki, 2003). Sekiranya interaksi yang kondusif tidak berlaku antara guru dan murid, maka boleh menyebabkan kesukaran dalam proses pengajaran. Murid tidak berpeluang memberi pendapat dan berkongsi idea dengan orang lain seterusnya menyebabkan mereka bersikap pasif.





Dalam pada itu, persekitaran bilik darjah yang berorientasikan kepada peperiksaan iaitu dengan penekanan yang lebih kepada pencapaian akademik semata-mata telah menjadi salah satu faktor penyebab murid menjadi pasif dan kurang berinteraksi sesama sendiri ketika melaksanakan setiap tugas yang diberikan (Salina, Peridah & Abdul Ghani, 2008).

Justeru, berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas, penyelidik mendapati bahawa Kaedah Pembelajaran Koperatif Model STAD telah berjaya membantu meningkatkan pencapaian murid. Misalnya, dalam mata pelajaran Fizik melalui kajian yang dijalankan oleh Nooraziah Ramli pada tahun 2016. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan Nurulhuda Ngasiman (2014) yang bertajuk *Kesan Kaedah Pembelajaran Koperatif Terhadap Pelajar dalam Mata Pelajaran Matematik*. Kajian tersebut turut berfokuskan kepada Model STAD. Selain itu, kajian Pengaruh Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Stad Berbantuan LKS Terhadap Pemahaman Konsep Kimia Ditinjau dari Motivasi Berprestasi oleh Made Sudarsa, Wayan Karyasa dan Nyoman Tika (2013) juga menunjukkan kejayaan penggunaan Model STAD dalam kajian mereka. Oleh itu, Model STAD dikenal pasti sebagai sandaran utama dalam melaksanakan kajian ini.

•

Selain itu, antara punca masalah ini berlaku adalah disebabkan kebanyakan guru kurang menggunakan pendekatan pengajaran bagi menarik perhatian murid dan guru tidak mampu merangsang proses pembelajaran murid dalam mata pelajaran tersebut (Pembangunan Pendidikan 2001 hingga 2010). Masih ramai guru Bahasa Melayu yang mengamalkan kaedah konvensional seperti kaedah hafalan dalam teknik





pengajaran mereka (Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng,2017). Justeru, kaedah pengajaran juga memainkan peranan dalam meningkatkan prestasi dalam penulisan murid.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Mashitah Zainuddin (2005), pembelajaran koperatif STAD telah berjaya meningkatkan kualiti penulisan murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Kangar, Perlis. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian bagi SJKC pula ingin diketengahkan bagi melihat sama ada pembelajaran koperatif Model STAD untuk SJKC mampu meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan berfokuskan kepada karangan keperihalan.



#### **1.4 Hipotesis Kajian**

Setiap kajian berbentuk eksperimental kebiasaannya harus mengemukakan hipotesis kajian. Hipotesis ialah satu penjelasan atau jangkaan sementara pengkaji. Oleh itu, untuk menguji dan mendapatkan kesahan serta kesahihannya, maka penyelidikan ini dijalankan untuk melaporkan dapatan dan kesimpulan penyelidikan. Terdapat beberapa hipotesis nol yang dirangka seperti di bawah.





### 1.4.1 Hipotesis Nol

- Ho<sub>1</sub> Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan keperihalan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.
- Ho<sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan keperihalan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.
- Ho<sub>3</sub> Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan keperihalan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca.



### 1.5 Objektif Kajian

Secara am, kajian ini bertujuan untuk melihat pencapaian penulisan murid Cina dalam penulisan karangan keperihalan menggunakan Model STAD.

Secara khusus, objektif kajian ialah:

- 1- Mengenal pasti skor min pencapaian murid dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- 2- Menganalisis perbezaan skor min pencapaian murid dalam penulisan keperihalan menerusi ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan.





- 3- Mengenal pasti perbezaan skor min pencapaian murid bagi kumpulan rawatan menggunakan Model STAD dengan kumpulan kawalan dalam penulisan karangan keperihalan menerusi ujian pasca.

## 1.6 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab soalan-soalan berikut:

- 1- Apakah skor pencapaian murid bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra dan pasca?
- 2- Adakah terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian murid bagi kumpulan rawatan dan kawalan dalam penulisan karangan keperihalan?
- 3- Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kumpulan rawatan yang menggunakan Model STAD dengan kumpulan kawalan?

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep meliputi konsep sistem, andaian, jangkaan, kepercayaan dan teori yang mendokong serta memaklumkan kajian (Maxwell,1996). Kerangka konsep juga dikenali sebagai peta konsep, rajah intergratif, rajah sistem (Venn) dan model konsep (Robson,2002) .






Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016) menyatakan kerangka konseptual adalah gambar rajah atau grafik yang menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah kajian yang telah dikaitkan dengan teori-teori yang berkaitan bagi menjawab persoalan kajian. Kerangka konseptual akan menggambarkan secara holistik sesuatu kajian yang dilakukan.

Kerangka konsep ini dibina berdasarkan hasil pembacaan daripada kajian-kajian lalu bagi menjadi panduan dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka dipecahkan kepada dua pemboleh ubah iaitu pembolehubah bebas (IV) dan pembolehubah bersandar (DV). Pembolehubah bebas kajian ini ialah penggunaan Model STAD , manakala pembolehubah bersandar ialah analisis pencapaian karangan keperihalan.



Rajah 1.1 akan menjelaskan konsep kajian yang dilakukan.



**Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian**





## 1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan mestalah mempunyai kepentingan yang bermakna agar dapat memberi implikasi yang besar dalam menyelesaikan isu atau masalah yang ingin dikaji (Noraziah,2016). Kepentingan kajian ini dapat membantu banyak pihak antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak sekolah, guru dan murid. Berikut diperincikan kepentingan kajian mengikut pihak yang terlibat.

### 1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



Dalam merealisasikan salah satu hasrat kerajaan dalam gelombang kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PPPM 2016-2020) iaitu memastikan setiap murid mahir dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, maka kajian ini penting untuk dilaksanakan dalam proses peningkatan penguasaan Bahasa Melayu murid Cina di SJKC. Kajian yang dijalankan secara tidak langsung dapat membantu dalam merealisasikan hasrat kerajaan ini.





### **1.8.2 Sekolah**

Bagi pihak sekolah pula, kajian ini penting untuk dijalankan kerana dapat membantu meningkatkan prestasi akademik sekolah sekaligus dapat menaikkan Gred Purata Sekolah (GPS) dengan lebih baik.

### **1.8.3 Guru**

Kajian ini penting kerana dapat memberi maklum balas kepada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya di SJKC. Guru juga dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif STAD dalam pembelajaran karangan Bahasa Melayu. Antara kepentingan kajian ini kepada guru ialah dapat membantu meningkatkan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu agar dapat berjalan dengan lancar dan interaktif.

### **1.8.4 Murid**

Karangan merupakan komunikasi tulisan yang mesti dijawab oleh murid dalam kertas penulisan Bahasa Melayu peperiksaan UPSR. Hal ini demikian kerana bahagian karangan merupakan bahagian yang paling penting dan menyumbang markah yang





paling tinggi kepada murid. Perkara penting yang perlu dititikberatkan semasa menulis karangan ialah kemahiran mengembangkan isi dan penggunaan bahasa yang betul, khususnya struktur dan jenis ayat yang digunakan oleh murid. Justeru, murid dapat menghasilkan karangan bermutu yang tiada atau minimum kesalahan tatabahasa.

Sebuah karangan yang berkualiti dan menarik dapat dilihat daripada aspek kecekapan murid menggunakan kepelbagaiannya jenis ayat dan pemikiran dalam penulisan. Oleh itu, apabila murid dapat menguasai kemahiran menulis yang sangat tinggi dan dapat menyatakan idea dan pendapat yang bersesuaian akan membantu murid dalam menghasilkan karangan yang lebih berkualiti dan menarik. Penulisan yang berkualiti pastinya dapat membantu mereka untuk memperoleh markah yang lebih

tinggi dan baik bersesuaian dengan jawapan yang dihuraikan oleh murid.



Selain itu, pentingnya kaedah pembelajaran koperatif Model STAD di dalam kelas juga dapat meningkatkan sesi PdPc dengan lancar dan interaktif. Dalam konteks ini, sesi pembelajaran yang interaktif dapat menarik minat murid untuk meneruskan sesi pembelajaran dan memberi tumpuan ketika belajar.

Bagi menentukan prestasi atau kecekapan seseorang individu dalam mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya (Bass & Greary, 1996). Penggunaan pendekatan atau gaya pembelajaran dapat membantu seseorang mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam





proses pembelajaran. Gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenal pasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Dunn & Stevenson, 1997).

Bagi murid yang memahami serta tahu gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka sendiri, hal ini akan lebih memudahkan mereka dalam usaha mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Klavas (1994) dalam kajiannya mendapati bahawa setelah murid diperkenalkan dengan gaya pembelajaran baharu dan menggunakan, telah mendapat keputusan lebih cemerlang. Secara keseluruhannya, murid dapat menghasilkan sebuah karangan keperihalan yang bermutu dan dapat membantu murid mengembangkan isi dengan lebih baik.



## 1.9 Batasan Kajian

Kajian eksperimen yang dijalankan adalah untuk melihat keberkesanan pendekatan Model STAD terhadap karangan keperihalan di dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang terletak di daerah Manjung, Perak. Kajian ini terbatas kepada 60 orang murid tahun lima yang terdiri daripada murid Cina keseluruhannya. Disebabkan sampel kajian ditentukan pihak sekolah, maka kebolehan dan keupayaan yang lebih kurang setara antara kedua-dua sampel kajian diambil.





Kajian ini juga dibataskan kepada reka bentuk kajian eksperimen kuasi. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan (30 orang) dan kumpulan kawalan (30 orang). Responden kajian yang dipilih ini tidak mewakili kesemua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina seluruh Malaysia.

Dua set soalan disediakan dengan pembahagian satu set bagi ujian pra dan satu set lagi untuk ujian pasca. Empat set soalan disediakan untuk kumpulan rawatan ketika sesi eksperimen dijalankan. Ujian pra dan ujian pasca serta rawatan eksperimen yang dijalankan hanya terbatas kepada karangan keperihalan sahaja.



## 1.10 Definisi Operasional



Di dalam penulisan kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan bagi menerangkan maksudnya supaya dapat difahami. Berikut merupakan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini:

### 1.10.1 Kesan Pencapaian

Kesan ialah satu tahap kemujaraban yang mahu dicapai (Hassan,2004). Hal ini bermaksud kesan ialah tahap penerimaan sesuatu konsep atau kaedah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Noraziah,2016). Dalam konteks ini, kesan





merujuk kepada sesuatu tindakan atau hasil yang menyebabkan sesuatu perubahan yang positif. Manakala, pencapaian membawa maksud penghuraian berkaitan sesuatu yang diperoleh dan juga menunjukkan prestasi untuk mengetahui pelbagai aspek dengan terperinci dalam aspek kecemerlangan murid. Carter (1973), mentakrifkan bahawa pencapaian adalah sebagai penyelesaian atau kecekapan yang diperoleh dalam sesuatu kemahiran yang diberi atau pengetahuan atau kemajuan di sekolah.

Dalam konteks kajian ini, kesan dan pencapaian merujuk kepada peningkatan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya penulisan karangan setelah pembelajaran koperatif Model STAD dijalankan. Kesan dan pencapaian tersebut dinilai berdasarkan ujian pra dan ujian pasca yang dilaksanakan. Operasi untuk menjana data



yang digunakan ialah skor min.



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

### **1.10.2 Model Student Team-Achievement Divisions (STAD)**

Pembelajaran koperatif merupakan suatu kaedah yang menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (Seamah,2009). Kaedah ini merujuk kepada suatu teknik pembelajaran dalam kumpulan kecil yang melibatkan kerjasama, interaksi, perbincangan dan penyertaan murid dalam aktiviti atau projek yang dijalankan.





Pembelajaran secara koperatif adalah sebagai satu kaedah pengajaran yang melibatkan sekumpulan kecil murid yang terdiri daripada 4 hingga 5 orang atau lebih bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas untuk mencapai matlamat kumpulan pembelajaran. Oleh itu, pembahagian murid kepada beberapa kumpulan kecil adalah satu langkah awal yang harus dijalankan oleh guru dalam melaksanakan kaedah ini. Langkah berikutnya, guru akan memberi kebebasan kepada murid dalam kumpulan masing-masing untuk berbincang dan melantik ketua, pencatat, pelapor dan seumpamanya. Aktiviti ini memberi ruang dan peluang kepada murid-murid tadi untuk berinteraksi serta menyesuaikan diri antara satu sama lain dalam kumpulan kecil tersebut. Dalam kajian ini, pembelajaran koperatif merujuk kepada Model STAD (*Student Teams Achievement Divisions*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.



Selain itu, pendekatan koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan untuk bekerjasama dalam kumpulan kecil bagi mencapai satu matlamat yang sama. Sasaran bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi untuk rakan-rakan yang lain bagi mencapai tahap pembelajaran maksimum. Terdapat lima unsur asas dalam pembelajaran koperatif, iaitu murid saling bergantung antara satu sama lain secara positif, berinteraksi secara bersemuka, bekerjasama atau berkemahiran koperatif, akauntabiliti berinteraksi atas pembelajaran kendiri dan pemprosesan serta penerimaan maklumat.





Kaedah jenis ini mampu memberikan pengukuhan positif atau ganjaran kepada individu dalam kumpulan. Kemahiran sosial dan pemprosesan maklumat akan berlaku. Justeru, setiap ahli di dalam kumpulan perlulah menunjukkan kefahaman masing-masing dan memainkan peranan yang berbeza bagi mencapai tujuan tersebut.

Pendekatan ini telah digunakan oleh Slavin dan rakan-rakannya dalam penyelidikan yang dibuat di Universiti John Hopkins. Pendekatan model STAD dapat dikategorikan kepada empat peringkat:

- i. Guru membentangkan konsep atau tajuk kepada murid-murid kelas.
- ii. Beberapa kumpulan dibentuk bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran.

iii. Murid-murid diuji dengan pelbagai soalan atau kuiz. Markah yang diperoleh setiap kumpulan akan dikumpulkan bagi membentuk markah kumpulan.

- iv. Penghargaan atau hadiah akan diberi kepada kumpulan yang berjaya.

### **1.10.3 Karangan Keperihalan**

Karya yang dicipta berkaitan kisah, keterangan atau huraian sesuatu topik atau perkara. Dalam konteks ini, karangan keperihalan merujuk kepada idea yang dilontarkan secara tulisan dan menceritakan tentang sesuatu mengikut topik yang diberikan.





#### **1.10.4 Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina**

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia, dan Brunei, serta salah satu bahasa rasmi di Singapura. Selain daripada keempat-empat negara tersebut, bahasa Melayu juga ditutur oleh penduduk-penduduk Melayu di Selatan Thailand, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka dan Afrika Selatan. Bahasa Melayu adalah mata pelajaran wajib dalam sistem persekolahan di Malaysia.

Bahasa Melayu di SJKC adalah bahasa kedua atau ketiga bagi kebanyakan murid-murid. SJKC menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Walaubagaimanapun Bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib kepada setiap pelajar dari tahun satu hingga ke tahun enam di SJKC dan pembelajaran mengikut Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP). Bagi menambah baik struktur pembelajaran Bahasa Melayu, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pertambahan masa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di SJKC iaitu sebanyak lapan masa bersamaan dengan empat jam seminggu.

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang akan diuji dalam peperiksaan awam di Malaysia. Dalam konteks SJKC, mata pelajaran Bahasa Melayu akan diuji dalam bidang pemahaman dan penulisan dalam peperiksaan UPSR.





### 1.10.5 Murid Cina

Murid didefinisikan sebagai kelompok orang atau anak yang sedang belajar atau berguru (Kamus Dewan Edisi Keempat). Manakala Cina pula merujuk kepada salah satu kaum yang terdapat di Malaysia yang menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa ibunda mereka.

### 1.11 Kesimpulan



Bahasa Melayu adalah antara salah satu mata pelajaran wajib diikuti oleh setiap murid sama ada di peringkat rendah atau menengah. Namun demikian, tidak semua murid mempunyai tahap penguasaan yang tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam penulisan karangan. Hal ini disebabkan, setiap manusia mempunyai daya kecekapan yang berbeza-beza. Tambahan pula, Bahasa Melayu bukanlah bahasa ibunda sendiri.

Pendekatan koperatif STAD digunakan untuk membantu murid dalam mencari isi dan menghuraikan idea dalam penulisan karangan. Selain tu, melalui kaedah ini dapat melatih murid untuk berani memberi idea, menghujah pendapat dan bertukar-tukar maklumat bersama-sama rakan-rakan yang lain. Bukan itu sahaja, melalui pendekatan koperatif STAD, murid-murid dapat menghindarkan diri daripada rasa





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



25  
ptbupsi

bosan dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru perlu memainkan peranan penting dalam memilih dan menggunakan kaedah yang sesuai terhadap aktiviti yang bakal dilakukan agar dapat menarik minat murid untuk memberi tumpuan sepanjang proses pembelajaran berlangsung.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi